



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KOMPETENSI PELAKSANA DALAM
IMPLEMENTASI MODUL KEROHANIAN
DAN PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUSI
PEMULIHAN AKHLAK**

SYARIFAH FATIN FASIAH BINTI

SYID HASSANUDDIN

M20211000199



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KOMPETENSI PELAKSANA DALAM IMPLEMENTASI
MODUL KEROHANIAN DAN PENDIDIKAN ISLAM
DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK**

SYARIFAH FATIN FASIAH BINTI SYID HASSANUDDIN

M20211000199



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)

SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20 (hari bulan) JUN (bulan) 2025.

i. Perakuan pelajar :

Saya, SYARIFAH FATIN FABIHAH BINTI SYID HASSANUDDIN M20211000199 (FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KOMPETENSI PELAKSANA DALAM IMPLEMENTASI MODUL KEROHANIAN DAN PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MURIAH BINTI ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KOMPETENSI PELAKSANA DALAM IMPLEMENTASI MODUL KEROHANIAN DAN PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN(PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20 JUN 2025

Tarikh



DR. MURIAH BINTI ABDULLAH
Fakulti Pendidikan Islam
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
31000 Tapang Melaka, Tanah

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KOMPETENSI PELAKSANA DALAM IMPLEMENTASI MODUL KEROHANIAN
DAN PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK

No. Matrik /Matrik's No.: M20211000199

Saya / I : SYARIFAH FATIN FASIAH BINTI SYID HASSANUDDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar / Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 20 JUN 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali-sekala dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah s.w.t. yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allah S.W.T. selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat, ulama-ulama serta seluruh umat Islam yang tidak pernah jemu dan lalai memperjuangkan kesucian agama Islam, meninggikan martabat bangsa dan memelihara kedaulatan tanah air tercinta.

Ucapan ribuan terima kasih kepada, Dr. Muriyah binti Abdullah di atas kesabaran dan kesudian menyelia tesis ini. Hanya Allah s.w.t. sahajalah yang akan membalas dengan kebaikan dan keberkatan di dunia dan juga di akhirat.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan buat para pensyarah, warga Fakulti Sains Kemanusiaan khususnya Jabatan Pendidikan Islam di UPSI seta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama sepanjang pengkaji menyempurnakan tesis ini. Ucapan penghargaan buat keluarga tersayang iaitu ayahanda Syid Hassanuddin Bin Syid Nordin, dan bonda Robiah Binti Abdul Rahman. Buat suami yang tercinta, Muhammad Ehsan bin Rifai yang telah banyak memberikan semangat dan perangsang kepada saya. Jutaan terima kasih atas doa kalian. Penat lelah yang ditempuh, merekalah penguat semangat dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Penulisan kajian ini sudah tentu mempunyai cacat cela, sekiranya wujud kesalahan data dan fakta di luar pengetahuan yang jelas dikutip dari pelbagai bahan bacaan, saya memohon ampun dan maaf dan amat mengharapkan agar ianya dibetulkan. Akhir kata, semoga hasil penulisan ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Wallahua'lam.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi pelaksana aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan modul kerohanian dan pendidikan Islam dari di institusi pemulihan akhlak. Kajian ini menggunakan kerangka teori kompetensi Spencer dan Spencer dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences Version 29.0 (SPSS). Seramai 61 orang pelaksana modul kerohanian dan pendidikan Islam dari 3 buah institusi pemulihan akhlak di Malaysia menjadi sebagai sampel kajian untuk menjawab instrumen soal selidik. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi iaitu kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian analisis perbezaan MANOVA. Dapatan kajian untuk analisis deskriptif menunjukkan pengetahuan berada pada tahap yang tinggi (min=3.87, sp=0.67 manakala kemahiran juga berada pada tahap yang tinggi (min=3.81, sp=0.63) dan akhir sekali sikap berada pada tahap tinggi (min=4.12, sp=0.6). Analisis perbezaan MANOVA pula menunjukkan tahap pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap kompetensi pelaksana. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang tinggi terhadap implementasi modul kerohanian dan pendidikan Islam. Implikasi kajian in menunjukkan bahawa pelaksana perlu meningkatkan kompetensi diri dari aspek pengetahuan dan kemahiran secara berterusan dari masa ke semasa dan memupuk sikap yang positif dalam diri supaya amalan implementasi modul kerohanian dan pendidikan dapat memberi impak terhadap pelatih dalam proses pemulihan di institusi pemulihan akhlak.





THE COMPETENCE OF THE IMPLEMENTER IN SPIRITUALITY AND ISLAMIC EDUCATION MODULE IN MORAL REHABILITATION INSTITUTION

ABSTRACT

This study aims to identify the level of competence in knowledge, skills and attitudes among implementers in the teaching and learning process based on the spirituality and Islamic education module in the Moral Rehabilitation Institution. This study applies Spencer and Spencer's competency theoretical framework by using a quantitative approach questionnaire). Data were analysed using Statistical Package for Social Sciences Version 29.0 (SPSS) software. A total of 61 implementers of the spirituality and Islamic education module from 3 Moral Rehabilitation Institution in Malaysia were selected to answer the research question instrument. Descriptive analysis was used to measure the knowledge, skills and attitudes of implementers in implementing the spirituality and Islamic Education module, while MANOVA analysis was used to explain the relationship between the academic achievement and the level of competence of implementers. Overall, the study findings for descriptive analysis show that implementers' knowledge was at a high level (min=3.87, sd=0.67), implementers' skills were also at high levels (min=3.81, sd=0.63), and implementers' attitudes were at a high level (min=4.12, sd=0.6). MANOVA test analysis findings showed that academic achievement had significant differences and impact on the level of competence of implementers. In conclusion, the study findings show that respondents have high knowledge, skills and attitudes towards the implementation of Islamic spirituality and education modules. The implication of this study shows that implementers need to increase self-competence in terms of knowledge and skills continuously from time to time and cultivate a positive attitude so that the practice of implementing spirituality and education modules can have an impact on trainees during their process in the Moral Rehabilitation Institution.



KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.8 Skop Kajian	21
1.9 Batasan Kajian	22
1.10 Kerangka Teori Kajian	22
1.11 Kerangka Konseptual Kajian	25
1.12 Definisi Operasional	
1.12.1 Kompetensi	26
1.12.2 Pelaksana	28
1.12.3 Implementasi	29
1.12.4 Modul Kerohanian dan Pendidikan	29

	Islam	
	1.12.5 Pusat Pemulihan Akhlak	30
	1.13 Kesimpulan	30
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pendahuluan	31
	2.2 Konsep Pendidikan	31
	2.3 Konsep Akhlak Dalam Islam	32
	2.4 Kompetensi	34
	2.5 Jabatan Kebajikan Masyarakat	36
	2.6 Kajian Lepas	54
	2.7 Kesimpulan	62
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pendahuluan	63
	3.2 Rekabentuk Kajian	63
	3.3 Instrumen Kajian	64
	3.4 Skala Jawapan Responden	65
	3.5 Populasi Kajian	66
	3.6 Sampel Kajian	66
	3.7 Lokasi Kajian	67
	3.8 Tatacara Kajian	69
	3.9 Tatacara Penganalisan Data	69
	3.10 Kesimpulan	70
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
	4.1 Pendahuluan	71
	4.2 Demografi Responden	73
	4.2.1 Demografi Jantina	73
	4.2.2 Demografi Umur	74
	4.2.3 Demografi Kelulusan Akademik	75
	4.2.3 Demografi Pengalaman Bertugas	76
	4.2.5 Demografi Pendedahan Modul	77

4.3	Analisis Deskriptif	78
4.3.1	Pengetahuan Dalam Sukatan Dan Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	79
4.3.2	Kemahiran Dan Kaedah Pengajaran Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	85
4.3.3	Sikap Pelaksana Dalam Proses Implementasi Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	90
4.4	Analisis Perbezaan	95
4.5	Kesimpulan	99

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	101
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	102
5.2.1	Pengetahuan Pelaksana Dalam Sukatan Dan Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	103
5.2.2	Kemahiran Dan Kaedah Pengajaran Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	105
5.2.3	Sikap Pelaksana Dalam Proses Implementasi Sukatan Dan Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	107
5.2.4	Perbezaan Antara Tahap Pendidikan Dengan Kompetensi Pelaksana Dalam Implementasi Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	109
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	
5.3.1	Rumusan Terhadap Pengetahuan Pelaksana Dalam Sukatan Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	111
5.3.2	Rumusan Kemahiran Dan Kaedah	112

	Pengajaran Pelaksana Terhadap Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	
5.3.3	Rumusan Sikap Pelaksana Dalam Proses Implementasi Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	113
5.3.4	Rumusan Perbezaan Antara Tahap Pendidikan Dengan Kompetensi Pelaksana Dalam Implementasi Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	113
5.4	Implikasi Kajian	114
5.5	Cadangan Dan Saranan Kajian	117
5.5.1	Pengkaji Yang Akan Datang	117
5.5.2	Pelaksana	118
5.5.3	Pihak Institusi Pemulihan Akhlak	119
5.5.4	Jabatan Kebajikan Masyarakat	120
5.5.5	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	121
5.6	Kesimpulan	122
	RUJUKAN	124
	LAMPIRAN	133

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		MUKA SURAT
Jadual 2.1	Senarai Asrama Akhlak	41
Jadual 2.2	Senarai Taman Seri Puteri	43
Jadual 2.3	Senarai Sekolah Tunas Bakti	44
Jadual 3.1	Jumlah Responden yang Terlibat Mengikut Institusi	69
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	73
Jadual 4.2	Profil Responden Mengikut Umur	74
Jadual 4.3	Profil Responden Mengikut Kelulusan Akademik	75
Jadual 4.4	Profil Responden Mengikut Tempoh Bertugas Di Institusi Pemulihan	76
Jadual 4.5	Profil Responden Mengikut Penerimaan Pendedahan Tentang Modul	77
Jadual 4.6	Interpetasi Skor Min Landell 1977	78
Jadual 4.7	Dapatan Kekерapan Peratusan Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Kompetensi Pelaksana Dari Aspek Pengetahuan Dalam Sukatan Dan Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	79
Jadual 4.8	Analisis Tahap Kompetensi Pelaksana Dari Aspek Pengetahuan Dalam Sukatan Dan Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	84



Jadual 4.9	Dapatan Keckerapan Peratusan Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Tahap Kompetensi Dari Aspek Kemahiran Dan Kaedah Pengajaran Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	85
Jadual 4.10	Analisis Tahap Kompetensi Pelaksana Dari Aspek Kemahiran Dan Kaedah Pengajaran Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	89
Jadual 4.11	Dapatan Keckerapan Peratusan Min Dan Sisihan Piawai Untuk Item Analisis Tahap Kompetensi Terhadap Sikap Pelaksana Dalam Proses Implementasi Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	90
Jadual 4.12	Analisis Tahap Kompetensi Terhadap Sikap Pelaksana Dalam Proses Implementasi Modul Kerohanian Dan Pendidikan Islam	94
Jadual 4.13	Dapatan Analisis Perbezaan keseluruhan tahap pendidikan dengan kompetensi pelaksana	96
Jadual 4.14	Dapatan Analisis Perbezaan dari aspek kompetensi dengan tahap pendidikan	97
Jadual 4.15	Dapatan Analisis Nilai min perbezaan dari aspek kompetensi berdasarkan tahap pendidikan	98





SENARAI RAJAH

NO. RAJAH		MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka teori kompetensi Spencer dan Spencer (1993)	23
Rajah 1.2	Kerangka konseptual kajian	25
Rajah 1.3	Jenis, komponen dan contoh kompetensi model spenser dan Spencer	27





SENARAI SINGKATAN

JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
TSP	Taman Seri Puteri
STB	Sekolah Tunas Bakti
SPSS	Statistical Package for The Social Sciences





SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran** Surat Kelulusan Menjalankan Kajian/Penyelidikan Di Jabatan
A Kebajikan Masyarakat
- Lampiran** Kelulusan Menjalankan Kajian/Penyelidikan Kepada Agensi : Taman
B Seri Puteri
- Lampiran** Kelulusan Menjalankan Kajian/Penyelidikan Kepada Agensi : Sekolah
C Tunas Bakti Jerantut
- Lampiran** Kelulusan Menjalankan Kajian/Penyelidikan Kepada Agensi : Sekolah
D Tunas Bakti Sungai Besi
- Lampiran** Surat Permohonan Pelantikan Panel Penilai Soal Selidik
E
- Lampiran** Borang Soal Selidik
F





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan Islam adalah komponen penting dalam memastikan kementerian remaja serta persekitaran hidup yang lebih terjamin dan berakhlak. Secara umumnya, Pendidikan Islam merangkumi pelbagai cabang ilmu Islam yang terdiri daripada Aqidah, Fiqh, Tafsir, Hadis, Akhlak, Sirah, Falak dan ia juga meliputi segala aspek kehidupan manusia seperti jasmani, rohani, emosi, sosial, ekonomi, sains, perundangan dan sebagainya.

Pendidikan Islam amat penting khususnya kepada remaja yang mana kini semakin jauh dari ajaran Islam sebenar dan memerlukan perhatian dan didikan yang berkesan. Kesan dari ceteknya pendidikan agama Islam ini menyumbang kepada masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang berlaku.





Berbalik kepada tujuan Pendidikan Islam ini, ia menjurus kepada tujuan hidup kita sebagai manusia kerana pendidikan adalah platform yang digunakan untuk mencapai kemurnian dan kesejahteraan dalam kehidupan. Oleh itu, tujuan pendidikan adalah sama iaitu meningkatkan pemikiran dan pengetahuan untuk mengawal tingkah laku dan akhlak yang baik supaya manusia boleh menghubungkan diri mereka sebagai hamba kepada Pencipta mereka (Hasan Langgulung, 1997).

Pendidikan Islam merupakan sesuatu yang saling berkaitan antara satu sama lain yang didasari oleh prinsip-prinsip Islam yang akan melahirkan manusia berakhlak mulia seiring dengan akidah. Dalam erti kata lain, pendidikan Islam adalah proses pembelajaran yang dilalui oleh anak didik atau murid-murid dengan bimbingan dan didikan oleh guru atau pendidik untuk mencapai tujuan pembentukan manusia yang berpegang dengan ajaran-ajaran Islam.

Akhlak merupakan perilaku yang boleh diubah dan dibentuk, Dapat disimpulkan bahawa akhlak merupakan sesuatu yang semula jadi tetapi ia perlu dididik dan dibentuk. Antara cara untuk membentuk dan membina akhlak mulia adalah melalui pendidikan dimana ia dapat mencorak manusia menjadi muslim yang sejati dan beriman teguh. Tidak akan sempurna iman seseorang jika tidak disertai oleh akhlak yang baik.

Seperti yang dijelaskan oleh Asmawati Suhid (2005), remaja perlu didekati agar dapat diterapkan amalam hidup Islam dan membina akhlak yang jitu. Isu ini adalah penting kerana pendidikan adalah satu fenomena yang sentiasa berubah mengikut keperluan dan peredaran masa kini. Terdapat korelasi antara tahap penghayatan agama





yang rendah dan kecenderungan remaja yang diklasifikasikan sebagai bermasalah dan terlibat dengan gejala sosial. (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2022).

Masalah disiplin, gejala sosial dan keruntuhan akhlak murid-murid khususnya remaja merupakan suatu polemik dalam masyarakat yang menjadi batu penghalang bagi mencapai kemajuan dan pembangunan negara. Noornajihan dan Ab. Halim Tamuri (2013) menegaskan bahawa kegagalan sesebuah institusi, organisasi, bangsa, negara mahupun tamadun adalah disebabkan oleh faktor sahsiah dan akhlak individu yang telah rosak. Remaja adalah aset utama negara, dan mereka akan memainkan peranan yang sangat besar dan penting dalam mencorakkan masa hadapan ekonomi, politik dan kemasyarakatan Malaysia.



Jabatan Kebajikan Masyarakat, adalah jabatan yang ditubuhkan khas untuk menangani masalah sosial remaja dimana terdapat Institusi Pemulihan dan Perlindungan untuk remaja yang bermasalah. Berdasarkan jenis kesalahan dan jenayah yang dilakukan, remaja bawah umur yang ditangkap akan ditempatkan di pusat pemulihan tertentu. Institusi pemulihan akhlak telah diberi sepenuh kepercayaan oleh kerajaan untuk mengurustadbir akan masalah ini. Remaja berumur 12 hingga 18 tahun yang terlibat dalam kes juvana ditempatkan di institusi ini. (Risalah Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022).

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merancang dan melaksanakan program pendidikan agama di setiap institusi, di bawah pengawasan dan pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat. Modul Kurikulum Pendidikan Islam adalah program pendidikan yang direka untuk membantu penghuni pulih. Bengkel Pengukuhan





Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di institusi diadakan pada 19–22 Mac 2007 untuk menyusun dan mengkaji modul ini berdasarkan kurikulum asal (Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016). Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menggunakan kurikulum ini sebagai asas rujukan dan panduan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran agama kepada semua pelajar dan penduduk di institusi di bawahnya. maka, terhasilah Modul Kerohanian dan pendidikan yang membantu para pelaksana dalam mengimplentasi kurikulum ini.

Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam ini dibahagikan kepada bidang seperti Akidah, Ibadah, Akhlak dan Tilawah al-Quran, dan ia disesuaikan mengikut tahap pengetahuan pelatih atau pelajar. Selain itu, kurikulum ini digunakan sebagai asas untuk perbincangan tentang asas-asas fardhu ain, yang menekankan konsep keyakinan dan ibadah yang wujud dalam setiap individu sebagai amalan dan penghayatan agama Islam secara keseluruhan.

Dapat disimpulkan disini bahawa, dalam menghidupkan dan mengimplimentasi Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam, guru atau pelaksana memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik dan membimbing pelatih agar mereka bersedia untuk menghadapi dunia luar setelah dibebaskan nanti. Oleh itu, setiap pelaksana di setiap institusi perlu mempunyai tahap kompetensi, berkemampuan dan berpengetahuan yang tinggi dalam mengalas tanggungjawab ini.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia berbeza pada setiap insituti pendidikan bagi memenuhi keperluan kepada tahap murid-murid yang berbeza (Rashid, 2006). Guru adalah komponen penting dalam Pendidikan Islam. Tidak dapat





dinafikan bahawa seorang guru atau pendidik boleh menyumbang kepada kemajuan masyarakat, pembangunan negara dan kemajuan manusia. Sebagai contoh, Nabi Muhammad bukan sahaja diutuskan sebagai rasul untuk menyampaikan risalah Islam, tetapi juga menjadi contoh sebagai pendidik dan ikutan dalam mewujudkan akhlak mulia.

Habibah (2017) menyatakan bahawa guru yang dimaksudkan adalah seseorang yang mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk memahami dan menyampaikan maklumat dengan cara yang dinamik, reflektif, dan mendalam. Mereka juga harus mempunyai keupayaan untuk menerapkan nilai yang baik, budaya dan peribadi secara menyeluruh dalam proses menyampaikan maklumat. Guru juga perlu mempunyai pengetahuan pedagogi, psikologi, dan terhadap bidangnya ini supaya ianya praktikal dan realistik dan mampu menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan.

Bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti, professional dan kompeten berdasarkan pengajaran dan pembelajaran di institusi pemulihan akhlak secara khususnya, ia perlulah dipermantapkan bagi memastikan setiap penghuni dapat menerima penyampaian ilmu dengan baik. Bagi mencapai hasrat ini, para pendidik perlu memperkemaskan kemahiran dan pengetahuan mereka bagi memastikan murid-murid, penghuni atau murid mendapat input yang berkesan agar penghayatan Pendidikan Islam ini dapat mereka praktikan dalam kehidupan. Jabatan Kebajikan Malaysia bertanggungjawab untuk menyediakan guru, pengajar atau pelaksana yang mahir dan berkebolehan untuk melaksanakan program dan modul pemulihan ke atas penghuni yang menjalani hukuman untuk mewujudkan pelatih yang berketerampilan dari segi sikap, akhlak, pengetahuan dan kemahiran dalam pendidikan agama Islam.



1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Terdapat korelasi antara tahap penghayatan agama yang rendah dan kecenderungan remaja yang diklasifikasikan sebagai bermasalah dan terlibat dengan gejala sosial. (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2022). Sebagai jabatan yang ditubuhkan khas untuk menangani masalah sosial remaja, JKM telah menubuhkan Institusi Pemulihan dan Perlindungan untuk menempatkan remaja bermasalah. JKM, badan pelaksana yang telah dipercayai sepenuhnya oleh kerajaan, telah menubuhkan institusi pemulihan akhlak. Remaja yang terlibat dalam kes juvana berumur 12 hingga 18 tahun ditempatkan di institusi ini. Terdapat tiga institusi: Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti dan Taman Seri Putri yang menampung remaja bermasalah di seluruh Malaysia.

Apabila membicarakan tentang pendidikan, terdapat perbezaan yang jelas antara Pendidikan Islam secara khususnya di sekolah formal dengan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak. Berpandukan garis panduan yang berbeza, maka silibus dan penyampaian ilmu juga adalah berbeza. Hal ini demikian kerana Pendidikan Islam menggunakan modul yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia manakala pusat pemulihan akhlak menggunakan modul yang dibekalkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (Noor Hafizah Mohd Haridi, 2017). Tetapi matlamat pengajaran dan pembelajaran adalah sama, iaitu mengajar ilmu agama sebagai panduan hidup dan pembangunan diri manusia untuk kejayaan dunia dan akhirat. Sebagai seorang Muslim, kita pasti menyebut bahawa akhlak merupakan asas kepada umat yang bertamadun. Menurut Mohd Faez Ilias (2011), peranan pendidikan agama yang teguh dikalangan individu mampu membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun dan berakhlak mulia.



Tujuan program Pendidikan Islam untuk akhlak remaja di pusat pemulihan ini adalah untuk membantu membina semula tingkah laku dan akhlak pelatih melalui modul pemulihan dan pengisian yang dirancang. Kajian 2019 oleh Khairul Hamimah Mohd Jodi dan Nurul Husna Mansor menunjukkan bahawa program pengisian akhlak dan kerohanian boleh memberi kesan positif kepada pelatih.

Seperti yang dinyatakan oleh Muhamad Faiz Bin Ismail (2012), guru adalah komponen penting dalam pengajaran Islam. Guru bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan pengetahuan kepada pelajar remaja, tetapi mereka juga bertanggungjawab untuk meningkatkan penguasaan dan penghayatan pengetahuan pelajar mereka. Oleh itu, cara yang berhikmah harus digunakan untuk mendorong sikap dan tingkah laku murid ke arah kebaikan. Untuk mencapai matlamat Pendidikan Islam, guru yang berkualiti tinggi adalah penting. Ini berlaku tidak kira di mana pengetahuan disampaikan, sama ada di sekolah atau di luar sekolah. university mahupun di pusat-pusat pemulihan akhlak kerana disini bermulannya tarbiah sebenar. (Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha,2012).

Oleh itu, Pendidikan Islam boleh digambarkan sebagai usaha untuk mengekalkan iman dan akhlak yang boleh membawa manusia ke arah kemuliaan. Oleh itu, dengan bimbingan dan dorongan daripada pendidik atau guru yang berkualiti tinggi, sama ada secara formal atau tidak formal adalah amat penting. Seseorang pendidik atau guru harus mempunyai kompetensi yang tinggi, akhlak dan keperibadian yang baik.

Maka, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merancang dan melaksanakan program pendidikan agama di setiap institusi, di bawah pengawasan dan pentadbiran





Jabatan Kebajikan Masyarakat. Modul Kurikulum Pendidikan Islam adalah program pendidikan yang direka untuk membantu penghuni pulih. Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di institusi diadakan pada 19–22 Mac 2007 untuk menyusun dan mengkaji modul ini berdasarkan kurikulum asal (Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016). Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menggunakan kurikulum ini sebagai asas rujukan dan panduan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran agama kepada semua pelajar dan penduduk di institusi di bawahnya. maka, terhasilah Modul Kerohanian dan pendidikan yang membantu para pelaksana dalam mengimplentasi kurikulum ini.

Menurut Hezzrin Mohd Pauzi (2016), menyatakan bahawa pelaksana program di istitut pemulihan akhlak kurang berkesan disebabkan beberapa faktor antaranya ialah kekurangan pengalaman pelaksana atau guru dalam proses pengajaran dan pemulihan dalam melaksanakan ilmu pengajaran, terutamanya remaja yang melakukan jenayah. Dapat disimpulkan disini bahawa Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam ini amat penting terhadap pelatih dalam memberikan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam tempoh pemulihan di sini. Pelaksana memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik dan membimbing pelatih agar mereka bersedia untuk menghadapi dunia luar setelah dibebaskan nanti. Bagi menjayakan modul ini, pihak pelaksana seharusnya memandang serius bagi memastikan modul ini dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Tindakan ini penting, bagi menjamin program yang dirancang dapat dilaksanakan secara konsisten dan teratur. Oleh itu, setiap pelaksana di setiap institusi bertanggungjawab memastikan semua pelatih mendapat bimbingan. Ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelatih supaya mereka tidak melakukan perkara yang boleh memudaratkan kehidupan dan masa depan mereka





Oleh itu, kajian berhubung tahap kompetensi pelaksana dalam implementasi Pendidikan Islam di institusi pemulihan akhlak merupakan kajian yang amat penting. Fokus terhadap pelaksana di JKM di atas justifikasi pendidik yang memberikan pendedahan agama Islam secara formal dan tidak formal sepanjang tempoh pemulihan dijalankan terhadap pelatih. Sehubungan itu, penyelidikan mesti dijalankan mengenai keupayaan pelaksana dalam mengimplementasi program agama di pusat pemulihan akhlak kerana beban yang besar untuk membimbing remaja yang telah terpesong dan membentuk generasi yang berakhlak mulia dan mengekang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan norma serta cara hidup Islam walau di mana mereka berada.



1.3 **Penyataan Masalah**

Masalah disiplin, gejala sosial dan keruntuhan akhlak khususnya remaja merupakan suatu polemik dalam masyarakat yang menjadi batu penghalang bagi mencapai kemajuan dan pembangunan negara. Noornajihan dan Ab. Halim Tamuri (2013) menegaskan bahawa kegagalan sesebuah institusi, organisasi, bangsa, negara mahupun tamadun adalah disebabkan oleh faktor sahsiah dan akhlak individu yang telah rosak.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, populasi remaja yang berusia 15 hingga 24 tahun dari tahun 2018 hingga 2021 di Malaysia secara umum adalah sekitar 20-25% daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Remaja adalah aset utama negara dan mereka akan memainkan peranan yang sangat besar dan penting dalam mencorakkan masa hadapan ekonomi, politik dan kemasyarakatan Malaysia.

Dewasa kini, kes-kes yang melibatkan generasi muda terutamanya remaja dan pelajar sekolah, tidak mencerminkan sifat dan jati diri yang baik. Keruntuhan akhlak dan adab serta nilai moral generasi muda semakin membimbangkan. Akhlak adalah penanda aras yang membezakan orang yang baik atau sebaliknya, dan ia antara penyumbang kepada keruntuhan akhlak yang berlaku di kalangan remaja hari ini. Tanpa akhlak yang baik, Islam seseorang tidak akan sempurna.

Menurut Fathi Yakan, akhlak mempunyai kedudukan yang paling penting dalam Islam. Akidah adalah penting dalam kehidupan seharian umat Islam, jadi ia tidak



boleh dipisahkan daripada akhlak. Akhlak pula merupakan benih yang terhasil dari didikan iman yang sebenar. (Asma Mohd Nizam, 2016).

Imam al-Ghazali pula mengatakan “pendidikan itu ialah mengeluarkan perangai yang buruk yang ada pada manusia dan menyemaikan perangai dan sifat yang baik”. Secara umumnya, daripada pandangan-pandangan di atas kita boleh mengatakan bahawa pendidikan itu bersifat dalaman dengan bermatlamatkan melahirkan insan yang sempurna dan berakhlak mulia serta ianya proses yang mengambil masa yang panjang. Apabila pendidikan dan kemajuan Islam di negara ini diambil kira, isu keruntuhan akhlak tidak akan menjadi isu besar. Masyarakat Islam di negara ini telah didedahkan sepenuhnya kepada ajaran Islam melalui pelbagai cara, terutamanya melalui sistem pendidikan negara dan kesedaran masyarakat secara keseluruhan. (Nasarudin Desa, 2018). Akan tetapi, bilangan remaja banyak terlibat salah laku sosial seperti merompak, memeras ugut, mencuri, ponteng sekolah dan banyak lagi jenayah yang mereka lakukan baik lelaki mahupun perempuan adalah amat meresahkan.

Berdasarkan statistik penglibatan dan tangkapan juvana bagi tahun 2016-2021 (Polis Diraja Malaysia, 2021) dapat diuraikan kesalahan-kesalahan dan jenayah dilakukan oleh pesalah dan pelaku yang majoritinya berbangsa Melayu iaitu seramai 22 510 orang, tidak mengira jantina lelaki dan perempuan yang berusia 7 hingga 18 tahun.

Sebagai contoh, khasnya remaja perempuan yang telah keterlanjuran atau remaja yang melarikan diri dari rumah atas alasan-alasan tertentu akan dilelakkan di





rumah- rumah perlindungan dan pusat pemulihan akhlak. Terdapat undang-undang atau peraturan tertentu yang telah digubal untuk memulihkan semula remaja yang bermasalah membuktikan usaha kerajaan untuk menangani isu ini. Antara beberapa akta yang berkaitan dengan isu ini ialah Akta Mahkamah Juvana 1947 (akta 90), Akta perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106, Taman Seri Puteri, Kaedah-Kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (Tempat Perlindungan 1882), Sekolah Tunas Bakti (Peraturan-Peraturan Yang Diluluskan 1981), Peraturan Asrama Akhlak 1982 dan Peraturan Tempat Tahanan 1950. (Perlembagaan Persekutuan, 2017).

Taman Seri Puteri, Asrama Akhlak dan Sekolah Tunas Bakti adalah tiga pertubuhan pemulihan akhlak yang ditadbir oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program pendidikan agama Islam adalah salah satu program yang mesti dilaksanakan di setiap institusi di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program ini bertujuan untuk menyokong dan menyediakan terapi dan pemulihan dalaman kepada pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak. (Risalah Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022).

Antara program yang dilaksanakan di institusi pemulihan JKM melalui Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam ialah program Kerohanian dan asas fardhu ain. Pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak majoritinya adalah bangsa melayu yang beragama Islam. Pihak jabatan kebajikan masyarakat memberi tanggungjawab kepada pelaksana supaya pelatih dapat membimbing dan mendidik mereka. Apabila pelatih telah dijatuhkan hukuman untuk dihantar ke pusat pemulihan, pelatih akan diajar tentang cara mengucap dua kalimat syahadah, diberi pendedahan mengenai solat fardhu, cara menutup aurat dengan sempurna, kaedah mandi wajib yang betul dan perkara lain secara berulang kali sehingga mereka mahir dan mampu melaksanakannya





dengan baik. Asas fardhu ain dan fardhu kifayah amat diterapkan dalam modul ini. Para pelatih akan didedahkan dan dibimbing mengenai cara solat yang betul dengan mengambil kira syarat dan rukunnya, termasuk bersuci dan berpuasa. Selain itu, terdapat beberapa penghuni yang tidak mempunyai pengetahuan tentang cara untuk melaksanakan solat dan bacaannya. Tidak dinafikan, pelatih yang mempunyai pengetahuan asas tentang agama Islam, sedikit sebanyak turut membantu penghuni yang lain. Oleh itu, mereka dilatih secara berterusan supaya mereka dapat melaksanakan kewajipan mereka dengan sempurna dan konsisten.

Maka dengan itu, kemampanan dan kemahiran pelaksana, pendidik atau guru adalah penting dalam pengajaran Pendidikan Islam tidak kira samada di sekolah, institusi pengajian tinggi, masjid, mahupun di pusat pemulihan akhla. Guru perlu mengetahui tahap penguasaan pelajar mereka sebelum memilih kaedah penyampaian yang sesuai dengan tahap mereka. Kemahiran menguruskan pengajaran dan pembelajaran dengan baik membolehkan proses pengajaran berjalan dengan lancar dan mewujudkan persekitaran yang selamat. Kerana intipati yang perlu disampaikan kepada murid-murid, guru juga perlu mahir dan mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang yang diajar (Azhar, 2007). Kemahiran mengajar dan penguasaan ilmu yang baik boleh membentuk dan memupuk penerapan pendidikan agama Islam ke tahap yang memuaskan, dan suasana bilik darjah boleh menjadi lebih kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

Maka, bagi penghuni-penghuni pusat pemulihan akhlak di Malaysia tidak terkecuali dari menuntut ilmu agama Islam. Pusat pemulihan dan latihan pemulihan rohaniah menawarkan program Pendidikan Islam kepada mereka yang menjalani





hukuman. Objektif latihan ini adalah untuk menyediakan mereka untuk kembali ke pangkuan masyarakat dengan memberikan bimbingan dan pendedahan. (Nurul Husna Mansor, 2020). Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Jabatan Kebajikan Malaysia bertanggungjawab untuk menyediakan guru, pengajar atau pelaksana yang mahir dan berkebolehan untuk melaksanakan program dan modul pemulihan ke atas penghuni yang menjalani hukuman untuk mewujudkan pelatih yang berketerampilan dari segi sikap, akhlak, pengetahuan dan kemahiran dalam pendidikan agama.

Persoalan yang ingin ditimbulkan sini ialah tahap penguasaan, kemahiran dan kompetensi guru, pengajar dan pelaksana terhadap modul yang disediakan dalam menjalankan program-program Pendidikan Islam yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan akhlak tempatan supaya implementasi Pendidikan Islam mampu mengubah sikap penghuni agar sentiasa mengabdikan diri pada Allah dan tidak akan mengulangi kesalahannya.

Ia akan menjadi sukar untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada penghuni di institusi pemulihan jika seorang pendidik, guru atau pelaksana tidak mahir dalam menerapkan Pendidikan Islam dan Modul Kerohanian. Menurut Neil (2002), pendidik perlu mengikuti latihan tertentu untuk memperoleh kemahiran dalam bidang kerja mereka supaya mereka dapat menyelesaikan tugas dengan sempurna. Selain itu, mereka juga perlu didedahkan dengan program latihan ilmu pendidikan yang penting untuk memastikan tenaga pengajar dan pelaksana mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.





Penguasaan, pengetahuan dan kemahiran mengajar di kalangan pelaksana perlu dititikberatkan untuk memastikan semua pelajar memahami objektif yang diajar dan mencapai kemahiran yang telah ditetapkan. Menurut Hamzah (1993), apabila guru mempunyai pengetahuan dan kebolehan yang kurang, peratusan pelajar yang memahami apa yang diajar juga rendah. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman guru dalam pengajaran juga dipengaruhi oleh latar belakang pendidik atau pelaksana berdasarkan kajian Zawawi (2011).

Apabila menyentuh mengenai kualiti dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran maka hubungannya dengan kualiti pendidik adalah tidak dapat dipisahkan. Pendidikan dan tarbiah pada masa kini bukan sahaja memerlukan kita melahirkan insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang sains dan teknologi tetapi juga harus menghasilkan insan yang berakhlak mulia dan pekerti yang baik serta berkemampuan untuk membangunkan masyarakat dan negara.

Cabaran kepada pelaksana dalam menerapkan modul kerohanian dan pendidikan Islam kini merangkumi usaha melengkapkan diri dengan pengetahuan yang mencakupi ruang lingkup, kemahiran insaniah dan komunikasi, membentuk akhlak dan peribadi pelatih, pengurusan institusi dan banyak lagi. Oleh itu, para pelaksana hendaklah terdiri dari golongan yang kompeten dan bersedia untuk mengesuaikan diri dengan keperluan semasa yang begitu pesat. Persoalannya, adakah pelaksana di institusi pemulihan akhlak cukup kompeten dalam menangani cabaran-cabaran ini?

Justeru, pengkaji berpendapat satu kajian perlu dilaksanakan di institusi pemulihan akhlak untuk mengkaji tahap kompetensi pelaksana dari sudut kemahiran,





pengetahuan dan sifat peribadi sebagai alat untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak terhadap penghuni-penghuni institusi ini.



1.4 Objektif Kajian

Dalam membuat kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif yang melibatkan beberapa komponen untuk mengenalpasti tahap kompetensi pelaksana dalam mengimplementasikan Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam di institusi pemulihan. Diantara objektif tersebut ialah untuk:

- I. Menenalpasti tahap kompetensi pelaksana dari aspek pengetahuan dalam sukatan dan Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam yang digunakan di pusat pemulihan akhlak
- II. Menenalpasti tahap kompetensi pelaksana dari aspek kemahiran dan kaedah pengajaran Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak
- III. Menenalpasti tahap kompetensi terhadap sikap pelaksana dalam proses implementasi model kerohanian dan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak
- IV. Menenalpasti perbezaan kompetensi pelaksana dalam pelaksanaan Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam dengan tahap pendidikan responden?

1.5 Persoalan Kajian

Dalam membuat kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa persoalan kajian. Diantara persoalan yang diutarakan ialah:

- I. Apakah tahap kompetensi pelaksana dari aspek pengetahuan dalam sukatan dan model kerohanian dan Pendidikan Islam yang digunakan di pusat pemulihan akhlak?
- II. Apakah tahap kompetensi pelaksana dari aspek kemahiran dan kaedah pengajaran model kerohanian dan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak?
- III. Apakah tahap kompetensi terhadap sikap pelaksana dalam proses implementasi model kerohanian dan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak?
- IV. Adakah terdapat perbezaan kompetensi pelaksana dalam pelaksanaan Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam dengan tahap pendidikan responden?



1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, hipotesis kajian ialah:

1.6.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara tahap kompetensi pelaksana dengan demografi responden dalam implementasi Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini berasaskan kepada beberapa kepentingan samada kepada pelaksana-pelaksana di pusat pemulihan akhlak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat secara khususnya terhadap Modul Kerohanian dan pendidikan Islam. Berasaskan kenyataan tersebut, timbul beberapa persoalan, mendorong kajian terhadap ini dilaksanakan. Selain itu, pelatih di institut pemulihan ini menerima pendidikan agama dan bimbingan pelaksana yang boleh membantu mereka memantapkan jiwa mereka dan meningkatkan tahap ibadah mereka. Diharapkan program keagamaan dan kerohanian dapat membantu remaja mengubah cara hidup mereka daripada menjalani gaya hidup yang negatif kepada yang lebih positif. Di antara kepentingan kajian ini ialah:





1.7.1 Pelaksana Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak:

Untuk meningkatkan kesedaran kepada pelaksana yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan Pendidikan Islam pemulihan agar mereka dapat meningkatkan kemahiran dan kompetensi agar dapat membantu keberkesanan program dalam memperbaiki keadaan pelatih yang terlibat melalui program-program yang dicadangkan.

1.7.2 Pusat pemulihan akhlak dibawah naungan Jabatan Kebajikan Masyarakat:

Dapat meningkatkan dan memajukan tahap kemudahan dan kelengkapan dalam melaksanakan Pendidikan Islam agar lebih berkesan di pusat-pusat pemulihan di Malaysia.

1.7.3 Jabatan Kebajikan Masyarakat:

Dengan kajian ini sedikit sebanyak mampu membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat, bagi merangka pelan pembangunan khusus kepada pelaksana untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan di kalangan pelaksana yang lebih efektif dalam menjalankan tanggungjawab.





I.7.4 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat:

- I. Memberi peluang kepada pihak kementerian untuk membuat kajian susulan sekiranya keperluan dan tahap kompetensi tenaga pelaksana masih kurang memuaskan serta mengkaji kaedah, skop-skop pengajaran dalam melaksanakan pendidikan agama yang diamalkan sekarang tidak sesuai dengan tuntutan masa.
- II. Melalui dapatan kajian ini, dapat digunakan sebagai tambah nilai terhadap modul sedia ada bagi membantu golongan pelaksana dan menambahkan maklumat semasa mengenai usaha yang sepatutnya dilakukan oleh pihak kementerian terhadap pelaksanaan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak.



Skop kajian merupakan suatu ruang lingkup atau kawasan penyelidikan yang menjadi keutamaan dalam fokus pengkaji. Dalam menjalankan kajian ini, skop kajian yang ditetapkan akan hanya mengkaji kompetensi pelaksana dari aspek pengetahuan dan kemahiran responden dalam proses pengajaran Modul Kerohanian. Selain itu kajian ini juga ingin mengkaji perbezaan demografi responden selaku pelaksana dalam implementasi Pendidikan Islam. Kajian ini dijalankan ke atas guru atau pelaksana yang mengajar Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pahang.





1.9 Batasan kajian

Kajian ini adalah bertumpu kepada pelaksana atau guru yang mengajar Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam di institusi-institusi pemulihan akhlak yang terletak di Perak, Kuala Lumpur dan Pahang. Berpandukan kepelbagaian ciri kompetensi yang ada, pengkaji hanya memilih aspek pengetahuan, kemahiran dan demografi responden sahaja untuk menentukan tahap kompetensi pelaksana dalam implementasi Modul Kerohanian dalam Pendidikan Islam. Batasan kajian yang dihadapi oleh penyelidik termasuk kejujuran responden dalam menjawab soalan dan kefahaman responden tentang soalan. Oleh itu, ketepatan maklumat sangat bergantung kepada kejujuran dan kerjasama responden.



1.10 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini menggunakan kerangka teori kompetensi Spencer dan Spencer (1993). Teori ini membahagikan kemahiran kepada dua kategori iaitu kemahiran yang mudah dilihat dan kemahiran yang tersembunyi. Kemahiran yang mudah dilihat termasuk pengetahuan dan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk melaksanakan tugas. Untuk memastikan matlamat pembelajaran dan pengajaran tercapai, penguasaan pengetahuan ini adalah penting. Namun, pelaksana mesti mempunyai kemahiran pengajaran untuk membantu dalam menyampaikan pengetahuan, sama ada teori atau praktikal.



Dalam melaksanakan tugas, seseorang mempunyai kompetensi yang terlindung, iaitu sikap yang berkaitan dengan kompetensi perlakuan yang akan mendorong mereka untuk bertindak mengikut cara tertentu. Spencer (1993) menyatakan bahawa guru mesti mempunyai kedua-dua kompetensi terlindung dan mudah dilihat untuk menghasilkan sesuatu pengajaran yang berkualiti dan berkesan.



Rajah 1.1. Kerangka teori kompetensi Spencer dan Spencer, 1993

Teori ini, yang dibangunkan oleh Lyle Spencer Jr. dan Signe M. Spencer menjelaskan kepentingan kecekapan utama dalam individu untuk meningkatkan prestasi organisasi. Beliau mencadangkan bahawa kecekapan seseorang adalah gabungan di antara pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan yang membawa kepada prestasi kerja yang berkesan.

Begitu juga, teori kompetensi menekankan bahawa pengetahuan, kemahiran, dan sifat adalah penting untuk prestasi yang berkesan. Dalam konteks implementasi, ini bermakna, pelaksana perlu memiliki kecekapan dalam menyelia dan melaksana




pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada individu iaitu pelaksana yang mengajar dalam pengajaran Modul Kerohanian dan Pendidikan dalam pengamalan komponen kompetensi dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sikap terhadap tugas. Berdasarkan kepada teori yang telah diperjelaskan di atas, pengkaji telah membangunkan satu kerangka konseptual kajian bagi menunjukkan perkaitan di antara teori tersebut dengan kajian yang dijalankan.



1.11 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 6 merupakan kerangka konsep kajian yang menggambarkan semua elemen penting dalam kajian kompetensi pelaksana dalam pengajaran Modul Kerohanian di pusat pemulihan akhlak. Berdasarkan kerangka konsep, guru atau pelaksana yang mengajar mempunyai komponen kompetensi, yang terdiri daripada elemen pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Untuk menjadi guru atau pendidik yang berkualiti, kesemua elemen kompetensi ini penting.



Rajah 1.2. Kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam kajian



1.12 Definisi operasional

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pelbagai istilah kajian dalam memberi pengertian yang jelas dan bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan, di bawah ini dijelaskan beberapa definisi terminologi penting yang terdapat dalam kajian ini.

1.12.1 Kompetensi

Kompetensi saling berkait di antara pengetahuan, kemahiran, sikap dan penilaian yang perlu ada dalam individu. Ia merupakan gabungan keupayaan seseorang terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap yang mana akan menentukan tahap kecekapan di dalam sesuatu bidang. Maka, kemampuan individu tidak akan lengkap sekiranya tidak terdapat salah satu elemen tersebut (Sutton 2004). Kompetensi merujuk kebolehan seseorang menjalankan tugas yang spesifik dengan sempurna yang perlu dimiliki dalam sesebuah organisasi dan komuniti. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, seseorang yang kompeten membawa makna individu yang mempunyai kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap atau dengan jayanya. Dalam kajian ini kompetensi mewakili kompetensi dalam aspek pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang perlu pada pelaksana dalam mengimplementasi Modul Kerohanian dalam Pendidikan Islam.

Kompetensi sebagai alat yang pengukuran kecekapan oleh individu untuk menyelesaikan tugas mereka. Dalam prinsip asas model kompetensi, prestasi seseorang akan berkembang sekiranya individu tersebut menguasai kemahiran yang



diperlukan dalam melaksanakan tanggungjawab. Menurut Harun (2006), antara komponen utama dalam menilai kompetensi ialah:

(a) Pengetahuan


Kebolehan seseorang mempertingkatkan pengetahuan dan ilmu secara berterusan bagi memperbaiki potensi dan prestasi diri.

(b) Kemahiran

Kebolehan individu menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang ada untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cemerlang adalah penting untuk mencapai matlamat organisasi.

(c) Sifat atau ciri-ciri peribadi

Nilai-nilai peribadi dan karakteristik yang perlu dihayati dan diamalkan oleh individu dalam mencapai kepuasan dalam melaksanakan tugas.



Rajah 1.3. Jenis, komponen dan contoh kompetensi Model Spencer dan Spencer



Rajah 1.3 menunjukkan contoh komponen ditunjukkan selaras dengan Model Iceberg. Peningkatan kebolehan dan pengetahuan boleh diperoleh melalui latihan atau kelas. Berdasarkan model ini, adalah jelas bahawa kemahiran dan pengetahuan adalah kompetensi yang mudah untuk dibezakan dan diukur manakala sifat individu adalah komponen yang menentukan tahap pencapaian individu dalam pelaksanaan tanggungjawabnya. Terdapat dua kategori kompetensi iaitu:

a. Kompetensi umum (generik)

Ia merupakan pengetahuan, kebolehan dan prinsip yang diperlukan dan dimiliki oleh setiap pelaksana. Kompetensi umum ialah kemampuan seseorang untuk mencapai objektif yang ditetapkan dengan menggunakan kaedah yang diiktiraf dan menghasilkan natijah yang baik.



b. Kemahiran Khusus atau Fungsional

Ia merupakan pengetahuan, kemahiran dan sifat yang spesifik bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi sesuatu kumpulan jawatan.

1.12.2 Pelaksana

Menurut Kamus Dewan Perdana, pelaksana bermaksud adalah orang, individu, badan dan sebagainya yang melaksanakan sesuatu tugas, rancangan atau tanggungjawab. Di dalam kajian ini, pelaksana adalah seseorang yang mempunyai kelayakan untuk mengajar dan mendidik penghuni-penghuni di pusat pemulihan akhlak. Mereka juga adalah orang yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam.





1.12.3 Implementasi

Implementasi bermaksud proses melaksanakan, menjalankan atau menunaikan sesuatu tugas, rancangan atau mengusahakan sesuatu berdasarkan Kamus Dewan Perdana. Implementasi yang akan dikaji dalam penyelidikan hanya tertumpu kepada pelaksanaan Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam berdasarkan sukatan yang telah disediakan oleh setiap pelaksana samada guru, warden atau penyelia.

1.12.4 Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan program pendidikan agama Islam untuk dilaksanakan di setiap institusi di bawah pengawasan dan pentadbirannya. Modul Kerohanian dan Pendidikan Islam adalah program pendidikan yang direka untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pelaksana melaksanakan pengajaran dan pembelajaran agama kepada pelatih dan penghuni di institusi di bawahnya. Modul pendidikan kerohanian dan Islam ini dibahagikan kepada beberapa bidang seperti fardhu ain dan fardhu kifayah. Ia juga disesuaikan mengikut tahap pengetahuan pelajar atau pelajar. Selain itu, kurikulum ini digunakan sebagai asas untuk perbincangan tentang rukun Iman dan rukun Islam, yang menekankan konsep keyakinan dan ibadah yang wujud dalam setiap individu sebagai amalan dan penghayatan agama Islam secara keseluruhan.





1.12.5 Pusat Pemulihan Akhlak

Pusat pemulihan akhlak merupakan tempat institusi yang menempatkan kanak-kanak atau remaja lelaki atau perempuan yang mempunyai tingkah laku yang diluar kawalan yang cenderung atau yang telah melakukan kesalahan jenayah. Ia juga merupakan satu pusat sebagai percubaan dalam memulihkan akhlak kanak-kanak atau remaja dalam tempoh sepertimana yang telah diperintahkan oleh mahkamah.

1.13 Kesimpulan

Menerusi maklumat yang yang dimuatkan dalam bab 1 ini, pengkaji memaparkan deskripsi utama bagi menggambarkan maksud tajuk yang diperincikan melalui latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan, skop, batasan kajian, kerangka teori, kerangka konsep dan definisi istilah bagi kajian ini. Daripada gambaran awal menerusi bab ini, pengkaji membawa kepada perbincangan yang lebih terperinci melalui pecahan sub tajuk yang berkenaan dengan tajuk kajian dalam bab seterusnya. Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada mengetahui tahap kompetensi pelaksana dalam mengimplementasi Pendidikan Islam terhadap pelatih-pelatih di institusi pemulihan akhlak.

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat menyumbang ke arah perkembangan ilmu pengetahuan serta penambahbaikan dalam memantapkan kecekapan pelaksana dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan keberkesanannya secara khusus bagi Pendidikan Islam. Mudah-mudahan ia juga memberi manfaat kepada pihak semua yang terlibat.

